

Pengglotisan Geseran /s/ dalam Bahasa Kerinci

Adi Yasran Abdul Aziz

adiyasran@gmail.com

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Raja Masittah Raja Ariffin

rajamasittah@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Mohd Sharifudin Yusop

mosy@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Nur Farahkhanna Mohd Rusli

farahkhannamohdrusli@gmail.com

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk menjelaskan proses perubahan bunyi frikatif alveolar /s/ kepada bunyi frikatif glotis [h] dalam bahasa Kerinci. Wujudnya penutur bahasa Kerinci di Malaysia disebabkan mobiliti dan perpindahan penuturnya yang berasal dari Sumatera Barat, Indonesia. Bahasa Kerinci yang dituturkan dikedua-dua buah negara mempunyai sistem sebutan yang berbeza antara satu sama lain. Namun, sistem fonologi bahasa Kerinci yang digunakan di Malaysia masih belum dibincangkan secara teoritikal. Sampel kajian dipilih dalam kalangan masyarakat Melayu Kerinci di Kampung Sungai Lui, Hulu Langat Selangor yang berusia dalam lingkungan 50 tahun dan ke atas. Maklumat dan data diperolehi melalui teknik pemerhatian, temu bual dan rakaman yang bertujuan merekod pertuturan responden untuk ditranskripsi serta dianalisis untuk menjelaskan perubahan bunyi yang berlaku. Kajian ini menerapkan kerangka fonologi generatif untuk menjelaskan proses pengglotisan /s/ kepada [h]. Proses fonologi yang berlaku bukan sahaja melibatkan perubahan pada segmen /s/ tetapi turut mengubah bunyi-bunyi vokal yang mendahului segmen tersebut, iaitu vokal /a, i, u/. Hasil kajian menunjukkan vokal /a, i, u/ yang mendahului segmen /s/ dalam bahasa Kerinci akan mengalami proses fonologi dan menghasilkan bentuk permukaan yang berbeza antara satu sama lain. Proses fonologi yang terlibat adalah rumus peninggian vokal yang mengubah bunyi /as/ kepada [eh] dan rumus perendahan vokal yang mengubah bunyi /is/ kepada [æh] dan /us/ kepada [awh]. Namun, setiap perubahan yang berlaku memerlukan huraian atur rumus untuk menjelaskan proses mana yang berlaku terlebih dahulu. Dapatan menunjukkan bahawa rumus pengglotisan geseran yang mengubah segmen /s/ kepada [h] hanya berlaku selepas pelaksanaan rumus-rumus yang menyebabkan perubahan pada vokal-vokal tersebut. Hal ini bagi memenuhi syarat lingkungan yang telah ditetapkan terhadap rumus-rumus yang telah dinyatakan.

Katakunci: fonologi; generatif; bahasa Kerinci; bahasa Melayu; linguistik

Glottalization of Fricative /s/ in Kerinci Language

ABSTRACT

The aim of this article is to explain the changes of the alveolar fricative /s/ to the glottal fricative [h] in Kerinci. The existence of Kerinci-language in Malaysia is due to the mobility and migration of speakers who came from West Sumatra, Indonesia. Both Kerinci languages spoken in those two countries have different set of sound system. However, Kerinci phonological system in Malaysia has not been theoretically discussed. The sample selected in the Kerinci Malay community in Kampung Sungai Lui, Hulu Langat are aged between 50 years and above. Data was obtained through observations and interviews. The recording was then transcribed for the purpose of analyzing and explaining the sound changes. The study employs the generative phonology framework to explain the changes of /s/ to [h]. The phonological processes does not only involve changes to segment /s/, but also affects preceding vocal sounds such as /a, i, u/. The results showed that vowel /a, i, u/ that precedes the segment /s/ in Kerinci will experience a phonological process and produce a different surface from each other. The phonological processes involved are vocal raising rule that change /as/ to [eh] and vowel reduction rule that change /is/ to [æh] and /us/ to [awh]. However, any changes require a description of the program formulas to describe the process that first occurs. The results show that the changes of segment /s/ to [h] only occur after the implementation of the rules that change the vowels in order to comply to the conditions specified on common stated rules. .


Keywords: phonology; generative; Kerinci language; Malay language; linguistics

PENDAHULUAN

Bahasa Kerinci ialah kumpulan bahasa Nusantara yang berasal dari Sumatera Barat, Indonesia yang memiliki hubungan kekeluargaan dengan Bahasa Melayu (Rozaimah dan Nor Diyana, 2011). Bagi Asmah (2008), keluarga bahasa Indonesia dapat dibahagikan kepada kelompok Filipina-Formosa dan kelompok Indonesia Pusat. Kelompok Filipina-Formosa terdiri daripada bahasa-bahasa di Formosa, Filipina dan bahasa-bahasa di Sabah dan Brunei (kecuali bahasa Melayu dan Lun Dayeh). Kelompok Indonesia-Pusat pula terdiri daripada bahasa Melayu, bahasa-bahasa di Sarawak, Kalimantan dan pulau-pulau Indonesia lainnya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Indonesia termasuk bahasa Kerinci memiliki hubungan kekerabatan dengan bahasa Melayu.

Di Malaysia, penutur bahasa Kerinci boleh ditemui di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Kuala Lumpur. Hampir keseluruhan penuturnya telah menjadi penduduk tetap di lokasi-lokasi tersebut (Rozaimah & Nor Diyana, 2011). Namun, aspek fonologi bahasa Kerinci yang dituturkan di Malaysia mempunyai sistem yang berbeza dengan fonologi bahasa Melayu standard. Malah, wujud perbezaan antara bahasa Kerinci di Malaysia dengan bahasa Kerinci di Indonesia walaupun bahasa tersebut berasal daripada induk yang sama. Hal ini disebabkan hakikat yang ada pada bahasa hidup, iaitu sentiasa mengalami perkembangan dan perubahan pada sistem dan strukturnya (Asmah, 2013).

Bagi Mohd Tarmizi, Shahidi dan Rahim (2013), suatu bahasa atau dialek akan memperlihatkan inovasi apabila bahasa atau dialek berkenaan terpisah daripada bahasa atau dialek yang lain yang diturunkan daripada induk atau sumber yang sama. Dengan kata lain, bahasa Kerinci telah mengalami inovasi apabila bahasa tersebut terpisah daripada bahasa Melayu sedangkan kedua-duanya berasal daripada induk yang sama. Permisahan ini akan membentuk cabangnya yang tersendiri dalam skema rajah pohon seperti yang berikut:



(Abdul Rashid dan Amat Johari, 2005)

RAJAH 1. Inovasi bahasa Melayu dan bahasa Kerinci

Berdasarkan Rajah 1, bahasa Melayu adalah berserangkai dengan bahasa Kerinci di bawah satu rumpun keluarga yang sama namun mempunyai sistem dan struktur yang berbeza antara satu sama lain. Proses fonologi bahasa Kerinci memperlihatkan gejala pengglotisan konsonan geseran alveolar /s/ kepada konsonan [h]. Perubahan ini juga dinamakan sebagai debukalisasi (*debuccalisation*) atau proses mengenyahkan fitur daerah bagi sesuatu segmen bunyi (Adi Yasran, 2012). Bagi O'Brien (2012), debukalisasi adalah perubahan bunyi atau alternasi yang tidak lagi dihasilkan dengan sekatan udara dalam rongga mulut sebaliknya dihasilkan dengan menggetarkan pita suara hingga menghasilkan konsonan laringal ([h], [ɦ] atau [ʔ]).

Namun, perubahan yang berlaku dalam bahasa Kerinci bukan sahaja melibatkan konsonan tetapi turut mengubah segmen bunyi yang hadir sebelumnya terutama bunyi-bunyi vokal, iaitu /a/, /i/ dan /u/. Kajian seperti ini yang berlaku dalam dialek-dialek Melayu telah dibincangkan oleh Rohani (1986) dan Farid (1980), Ajid dan Mohd Tarmizi (2009) yang menjelaskan pelemahan frikatif /s/ di akhir kata hingga menghasilkan bunyi [h]. Oleh itu, objektif kajian adalah untuk menjelaskan perubahan bunyi /s/ yang direalisasikan kepada [h] dalam bahasa Kerinci. Kajian juga bertujuan menjelaskan perubahan yang berlaku pada vokal /a, i, u/ yang direalisasikan kepada [ɛ, æ, aw] apabila diikuti oleh konsonan /s/ di akhir kata.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, informan dipilih dalam kalangan masyarakat Melayu Kerinci berusia 50 tahun dan ke atas yang menuturkan bahasa Kerinci dialek Semerap di Kampung Sungai Lui, Hulu Langat Selangor. Pemilihan ini bertujuan untuk mendapatkan bunyi bahasa Kerinci yang asli kerana golongan tersebut masih menggunakan bahasa Kerinci secara aktif berbanding golongan muda yang lebih selesa bertutur menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi. Selain itu, pertuturan informan yang berusia 50 tahun dan ke atas memperlihatkan penggunaan bahasa Kerinci yang lebih asli dan konvensional berbanding bahasa Kerinci yang digunakan penutur yang lebih muda.

Faktor penerimaan pendidikan formal dan hubungan sosial yang luas masa kini menyebabkan bahasa Kerinci yang dituturkan oleh golongan muda dipengaruhi oleh bahasa Melayu standard. Oleh sebab itu pemilihan penutur yang lebih berusia penting supaya data yang diperoleh lebih tekal, asli serta mencerminkan bahasa Kerinci yang sebenar. Di samping itu, kajian yang dijalankan berbentuk kajian kes, maka informan yang terlibat terdiri daripada sepuluh orang termasuk lelaki dan wanita.

Kebanyakan maklumat diperoleh melalui kaedah kepustakaan dengan meneliti bahan ilmiah seperti tesis, buku, jurnal dan artikel yang telah diterbitkan bagi membolehkan pengkaji memahami setiap aspek yang berkaitan dengan bahasa Kerinci. Data yang diperoleh

melalui kajian terdahulu juga membantu pengkaji membuat perbandingan terhadap sistem fonologi bahasa Kerinci sekaligus membantu mengenal pasti kelompangan tertentu bagi membentuk permasalahan baharu yang menarik untuk dikaji.

Selain itu, kaedah pemerhatian turut digunakan dalam proses pengumpulan data dengan pengkaji berkunjung ke kawasan lapangan untuk melihat sendiri fenomena kebahasaan yang dituturkan oleh penutur bahasa Kerinci. Kaedah temu bual juga diaplikasikan dalam kajian ini khususnya bagi mendapatkan maklumat berkenaan asal usul, latar belakang responden dan sebagainya. Oleh yang demikian, buku catatan dan alat perakam merupakan instrumen penting bagi merekodkan data yang diperoleh daripada informan untuk tujuan penganalisan data.

Setiap data yang diperoleh akan disaring bagi mendapatkan data yang relevan. Data tersebut kemudiannya ditranskripsikan dengan lambang-lambang fonetik berdasarkan simbol IPA 2005 (*International Phonetic Alphabets 2005*) untuk memerikan aspek fonologi yang berlaku dalam bahasa Kerinci. Seterusnya, data akan dianalisis dengan menggunakan pendekatan fonologi generatif bagi menjelaskan perubahan bunyi yang berlaku dalam bahasa tersebut.

TEORI FONOLOGI GENERATIF

Proses pengglotisan bunyi frikatif /s/ kepada [h] perlu dijelaskan secara berpadu dengan menitikberatkan penjelasan dari aspek fonetik dan fonologi yang bukan sahaja dapat menghuraikan peringkat fonetik tetapi juga menjelaskan peringkat dalaman bahasa yang dikaji. Oleh itu, kajian ini menerapkan kerangka fonologi generatif model linear yang diperkenalkan Noam Chomsky dan Morris Halle (1968) yang kemudiannya diperbaharui oleh Iggy Rocca dan Wyn Johnson (1999). Pendekatan fonologi generatif menekankan aplikasi fitur distingtif serta rumus-rumus tertentu yang dapat membina rumusan bagi menghasilkan bentuk fonetik yang tepat dan tidak bercanggah dengan sistem bahasa yang dikaji.

Hal ini kerana, salah satu matlamat utama fonologi generatif adalah untuk menjelaskan proses-proses fonologi yang berlaku yang mengubah representasi fonetik dalam bentuk rumus-rumus (Farid, 1988). Perubahan fonologi yang berlaku juga perlu dijelaskan berdasarkan hubungan atur rumus untuk mengenal pasti proses mana yang berlaku terlebih dahulu. Hal ini penting supaya bentuk permukaan yang terhasil dapat mencerminkan ujaran sebenar penutur. Secara tidak langsung, fonologi generatif menolak fonem sebagai unit dasar bahasa kerana pertimbangan fonetik sahaja belum mampu menjelaskan sebab dan bagaimana perubahan fonologi berlaku. Malah, fonologi generatif tidak hanya meneliti data-data fizikal sebaliknya turut menerokai aspek-aspek mentalistik dan abstrak tentang sesuatu bahasa yang ingin dikaji.

INVENTORI SEGMENT BUNYI BAHASA KERINCI

Menurut Mohd Isa Farhy (1971), bahasa Kerinci di daerah Hulu Langat, Selangor mempunyai sembilan vokal seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu, iaitu vokal [i], [e], [a], [ɔ], [ɛ], [o], [u], [ə] dan [ɜ]. Namun, kajian beliau tidak menjelaskan perbezaan antara fonem dengan segmen bunyi terbitan yang terdapat dalam bahasa tersebut. Dalam kajian ini pula, penjelasan tentang fonem tidak disertakan kerana memerlukan huraian yang panjang lebar serta tidak sesuai dengan tajuk yang dibincangkan. Berikut adalah inventori segmen bunyi bagi konsonan dan vokal menurut Mohd Isa Farhy (1971):

Depan	Tengah	Belakang
i		u
e	ə	o
ɛ	ɜ	ɔ
a		

RAJAH 2. Vokal Bahasa Kerinci (termasuk [ɛ], [ɔ] dan [ɜ])

Walau bagaimanapun, inventori segmen bunyi vokal bahasa Kerinci berdasarkan kajian Mohd Isa Farhy (1971) perlu diberikan penilaian semula kerana kajian beliau tidak menjelaskan status vokal /ɛ/, /ɔ/ dan /ɜ/ sebagai segmen bunyi dalaman atau sebagai segmen bunyi terbitan. Dalam analisis fonologi generatif, ketiga-tiga vokal merupakan vokal terbitan berdasarkan beberapa generalisasi termasuk kehadirannya yang boleh diramal melalui rumus pengglotisan geseran, rumus peninggian vokal dan rumus pembundaran vokal selain mempunyai lingkungan penyebaran yang terhad dalam kata. Berikut adalah contoh data yang dikemukakan berkenaan kehadiran vokal /ɜ/ dalam kata dalam bahasa Kerinci:

/saya/ (ɜ)	[sa.jou]	‘saya’
/kura/ (ɜ)	[ku.hou]	‘kura’
/bapa/ (ɜ)	[ba.pəiʔ]	‘bapa’

(Mohd Isa Farhy, 1971)

Berdasarkan contoh, data terhad pada peringkat penyenaian perbezaan sebutan antara bahasa Melayu dengan bahasa Kerinci. Selain itu, kajian terhad pada contoh-contoh bunyi vokal dan lingkungan penyebarannya dalam kata tanpa penjelasan tentang perubahan yang berlaku berdasarkan pendekatan fonologi. Maka, contoh yang dinyatakan tidak dapat menjelaskan status /ɜ/ sebagai vokal secara berpada.

Dalam bahasa Melayu, pengaruh suatu dialek boleh mempengaruhi perkataan seperti [pə.tə], [tə.kə], [bə.lə] dan [kə.rə] disebut sebagai [pə.tɜ] /pəta/ ‘peta’, [tə.kɜ] /təka/ ‘teka’, [bə.lɜ] /bəla/ ‘bela’ dan [kə.rɜ] /kəra/ ‘kera’. Perubahan ini memperlihatkan vokal /a/ di akhir kata yang direalisasikan sebagai vokal [ɜ]. Namun, dalam bahasa Kerinci perkataan-perkataan tersebut tidak mengubah /a/ di akhir kata kepada [ə] mahupun [ɜ] sebaliknya /a/ di akhir kata direalisasikan sebagai [ɔ] seperti dalam contoh berikut:

/pətə/	[pə.tɔ]	‘peta’
/təkə/	[tə.kɔ]	‘teka’
/bələ/	[bə.lɔ]	‘bela’
/kərə/	[kə.hɔ]	‘kera’

Berdasarkan contoh, vokal /a/ di akhir kata tidak direalisasikan kepada vokal [ɜ] kerana vokal /a/ mengalami proses pembundaran vokal yang mengubah /a/ kepada [ɔ]. Hal ini menunjukkan vokal /ɜ/ tidak mempunyai lingkungan yang luas dalam kata serta hanya hadir dalam perkataan-perkataan tertentu yang terhad jumlahnya. Oleh itu, vokal /ɛ/, /ɔ/ dan /ɜ/ tidak dapat dimasukkan ke dalam inventori segmen bunyi vokal bahasa Kerinci seperti yang dinyatakan dalam kajian sebelum ini. Maka, inventori segmen bunyi vokal bahasa Kerinci yang baharu adalah seperti berikut:

Depan	Tengah	Belakang
i		u
e	ə	o
a		

RAJAH 3. Segmen bunyi vokal Bahasa Kerinci

Hentian	p b	t d	k g	ʔ
Afrikat		tʃ dʒ		
Frikatif		s		h
Nasal	m	n	ɲ	ŋ
Likuida		l		
Getaran		r		

RAJAH 4. Konsonan Bahasa Kerinci

(Mohd Isa Farhy, 1971)

Rajah 3 menunjukkan bahasa Kerinci terdiri daripada enam vokal bersifat dalaman dengan tiga vokal yang lain merupakan segmen bunyi terbitan. Bagi konsonan pula, kebanyakannya memiliki distribusi penyebaran yang sama dengan bahasa Melayu. Perbezaan antara kedua-dua bahasa lebih melibatkan proses fonologi yang berbeza antara satu sama lain dan salah satu perbezaan tersebut adalah dari aspek pengglotisan segmen /s/ kepada [h]. Sebelum ini, telah banyak kajian yang membincangkan perubahan /s/ kepada [h], namun yang menarik dalam bahasa Kerinci bukan sahaja perubahan pada segmen frikatif /s/, tetapi juga pada vokal-vokal yang mendahului segmen tersebut yang akan dijelaskan dalam perbincangan seterusnya.

PENGGLOTISAN /S/

Perbincangan akan berfokuskan kepada proses pengglotisan konsonan geseran /s/ kepada bunyi glotis [h]. Walau bagaimanapun dalam bahasa Kerinci, perubahan yang berlaku agak kompleks kerana turut melibatkan perubahan pada vokal yang mendahuluinya, iaitu vokal /a, i, u/ yang mengubah bunyi /as/ kepada [əh], /is/ kepada [æh] dan /us/ kepada [awh]. Oleh itu, perbincangan seterusnya akan melihat fenomena ini secara keseluruhan bagi mendapatkan penjelasan yang lebih berpeda.

PERUBAHAN BUNYI /AS/ KEPADA [ɛH] DI AKHIR KATA

Dalam bahasa Kerinci, pengglotisan segmen /s/ kepada [h] turut mempengaruhi vokal /a/ yang direalisasikan kepada vokal [ɛ] apabila di akhir kata seperti [lɔ.pəh] /ləpas/ 'lepas', [pa.nəh] /panas/ 'panas' dan [bɔ.ləh] /bəlas/ 'belas'. Perubahan ini seperti yang berlaku dalam dialek Kuala Kangsar yang mengubah bentuk /as/ di akhir kata kepada [əh], malah turut bervariasi bebas dengan bentuk [ah] yang memperlihatkan semacam pengaruh atau ciri-ciri persamaan dengan dialek Kelantan dan dialek Patani contohnya [ki.pəh] yang bervariasi bebas dengan perkataan [ki.pah] bagi perkataan /kipas/ (Rohani, 1986). Segmen /as/ yang direalisasikan kepada [əh] juga berlaku dalam dialek Kuala Pilah seperti [la.ɣəh] /larah/ 'laras', [ka.pəh] /kapas/ 'kapas' dan [ham.pəh] /hampas/ 'hampas' (Ibrahim dan Ibrahim, 1990).

Perubahan yang berlaku melibatkan gerakan terhadap alat ujaran penutur dari kedudukan alveolar atau gigi gusi bagi bunyi /s/ kepada kedudukan di pita suara yang menghasilkan bunyi glotis [h]. Menurut Rohani dan Noriah (2006), kehadiran konsonan [h] di akhir kata lebih tetap kehadirannya berbanding di posisi lain selain bertujuan menggantikan ciri-ciri distingtif tertentu. Dalam hal ini, kehadiran konsonan [h] bertujuan untuk menggantikan konsonan /s/ yang menduduki posisi akhir kata seperti dalam contoh berikut:

/ləpas/	[lə.pəh]	‘lepas’
/malas/	[mã.ləh]	‘malas’
/panas/	[pa.nəh]	‘panas’
/bəlas/	[bə.ləh]	‘belas’

Berdasarkan contoh, segmen /s/ di akhir kata akan mengalami pelemahan frikatif dan digantikan dengan segmen [h]. Selain itu, segmen /a/ yang mendahului konsonan /s/ turut direalisasikan kepada vokal depan separuh sempit [ɛ]. Keadaan ini melibatkan dua proses fonologi yang berbeza yang memerlukan dua set rumus untuk menjelaskan perubahan yang berlaku. Dengan kata lain, perubahan tersebut didasari seperangkat rumus yang dilaksanakan secara berurutan dalam satu proses derivasi (Zaharani, 2013). Konsep atur rumus ini penting untuk menjelaskan rumus mana yang berlaku terlebih dahulu. Oleh itu, rumus peninggian vokal harus berlaku terlebih dahulu dan diformalisasikan seperti berikut:

1. a → ε / __ s #

/ləpas/	*[lə.pəs]	‘lepas’
/malas/	*[mã.ləs]	‘malas’
/panas/	*[pa.nəs]	‘panas’
/bəlas/	*[bə.ləs]	‘belas’

Rumus (1) menjelaskan bahawa vokal rendah /a/ tidak dapat mengekalkan nilai bunyinya apabila berada di akhir kata yang diikuti oleh konsonan /s/. Hal ini kerana vokal tersebut akan direalisasikan kepada vokal depan separuh luas [ɛ] yang mengubah bunyi /as/ di akhir kata kepada bunyi *[ɛs] seperti kata *[lə.pəs] /ləpas/ ‘lepas’, *[mã.ləs] /malas/ ‘malas’ dan *[pa.nəs] /panas/ ‘panas’. Menurut Asmah (1995), perubahan yang berlaku adalah disebabkan hakikat penutur yang cenderung ke arah penjimatan usaha (*economy of effort*) yang bertujuan memudahkan ujaran.

Dari segi fonetik, segmen /a/ dihasilkan dengan kedudukan lidah diturunkan serendah-rendahnya manakala segmen [ɛ] lidah adalah pada kedudukan tinggi sedikit daripada /a/. Begitu juga segmen /s/ yang dihasilkan melalui penyempitan antara titik artikulasi dengan artikulator menyebabkan ruang udara menjadi sempit dan menghasilkan bunyi geseran. Berdasarkan penjelasan fonetik, kedua-dua segmen [ɛ] dan /s/ lebih mudah diujarkan kerana memperlihatkan cara penghasilan yang sama, iaitu arah ujaran yang lebih sempit.

Berbanding cara penghasilan bagi segmen /a/ dan /s/, alat ujaran perlu diturunkan serendah-rendahnya bagi vokal /a/, kemudian kedudukan titik artikulasi perlu diubah untuk mewujudkan ruang udara sempit bagi menghasilkan bunyi /s/. Ujaran seperti ini agak sukar kerana penutur perlu mengubah kedudukan artikulator dari posisi rendah /a/ ke posisi tinggi /s/ selain perlu mewujudkan ruang udara yang sempit selepas menghasilkan bunyi /a/ yang dihasilkan dengan ruang udara yang lebih luas.

Oleh itu, penutur mengambil langkah untuk memudahkan ujaran, iaitu dengan meninggikan alat artikulasi daripada cara penghasilan bunyi /a/ yang berfitur [+rendah] kepada bunyi [ɛ] yang berfitur [-rendah]. Selain itu, segmen /s/ di akhir kata turut mempengaruhi penghasilan bunyi [ɛ] kerana kedua-duanya memiliki persamaan fitur dengan ciri [-rendah], maka bunyi [ɛ] menjadi pilihan berbanding bunyi /a/. Berikut adalah persamaan dan perbezaan fitur bagi segmen-segmen bunyi yang terlibat:

Fitur distingtif / Segmen	s	h	ɛ	a
Rendah	-	+	-	+
Tinggi	-	-	-	-
Belakang	-	-	-	-

RAJAH 5. Fitur Distingtif

Berdasarkan Rajah 5, segmen /ɛ/ dan /s/ lebih mudah diujarkan kerana berkongsi fitur yang sama. Namun demikian, bunyi *[ɛs] pada perkataan *[lɔ.pɛs] /ləpas/ 'lepas', *[ma.lɛs] /malas/ 'malas', *[pa.nɛs] /panas/ 'panas' dan *[bɔ.lɛs] /bəlas/ 'belas' seperti yang dinyatakan dalam rumus (1) tidak menggambarkan representasi dalaman yang sebenar kerana berdasarkan ujaran penutur, /s/ dalam perkataan tersebut akan direalisasikan kepada konsonan [h]. Maka, perubahan tersebut perlu diikuti dengan rumus pembentukan glotis /h/ yang diformalisasikan seperti berikut:

$$2. \quad s \longrightarrow h / _ \#$$

Berdasarkan rumus (2), segmen bunyi /s/ di akhir kata akan direalisasikan kepada bunyi [h] yang memperlihatkan pembelakangan konsonan frikatif alveolar kepada konsonan frikatif glotis. Proses perubahan ini dikenali sebagai rumus pengglotisan geseran, iaitu suatu proses alternasi yang sering berlaku dalam kebanyakan bahasa-bahasa Austronesia termasuk bahasa Kerinci. Berikut merupakan derivasi berperingkat yang memperlihatkan hubungan perbezaan atur rumus antara rumus (1) dengan rumus (2):

3.	BK
Bentuk dalaman	/ləpas/
Rumus Peninggian Vokal	ləpɛs
Rumus Pengglotisan Geseran	ləpɛh
Bentuk permukaan	[lə.pɛh]


Derivasi (3) menunjukkan bahawa rumus peninggian vokal perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum rumus pengglotisan geseran. Pelaksanaan rumus peninggian vokal membolehkan /a/ direalisasikan kepada [ɛ] kerana mematuhi syarat perubahan vokal tersebut yang berlaku di akhir kata yang diikuti konsonan /s/ untuk menghasilkan bunyi *[ɛs]. Output daripada pelaksanaan rumus peninggian vokal dapat menyediakan input yang membenarkan proses pembentukan glotis berlaku, iaitu perubahan /s/ kepada [h]. Dengan pelaksanaan rumus pengglotisan geseran yang mengikuti rumus peninggian vokal, bunyi *[ɛs] akan direalisasikan kepada [ɛh] kerana kedudukan /s/ di akhir kata menepati syarat pelaksanaan rumus pengglotisan geseran.

Jika rumus pengglotisan geseran berlaku terlebih dahulu, perubahan segmen /s/ kepada [h] tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mematuhi syarat lingkungan bagi pelaksanaan rumus peninggian vokal. Hal ini disebabkan output daripada rumus pengglotisan geseran menghalang perubahan segmen /a/ kepada [ɛ] selain menghasilkan output yang berbeza dengan ujaran responden seperti yang dijelaskan dalam derivasi berikut:

4.		BK
	Bentuk dalaman	/lepas/
	Rumus Pengglotisan Geseran	ləpah
	Rumus Peninggian Vokal	-
	Bentuk permukaan	*[lə.pah]

Berdasarkan rumus (1), vokal rendah /a/ yang diikuti konsonan geseran /s/ di akhir kata akan mengalami peninggian kepada vokal depan separuh luas [ɛ]. Namun, derivasi (4) yang didahului oleh rumus pengglotisan geseran menghasilkan output yang bercanggah dengan ujaran penutur iaitu, *[lə.pah] /ləpas/ ‘lepas’ dan menghalang penghasilan output [lə.pɛh] /ləpas/ ‘lepas’ seperti derivasi (3) berlaku. Hal ini berlaku kerana derivasi (4) merupakan kebalikan daripada derivasi (3) yang membenarkan pelaksanaan rumus pengglotalan geseran berlaku terlebih dahulu serta mengubah segmen /s/ di akhir kata kepada segmen [h]. Kehadiran segmen [h] ini menghalang pelaksanaan rumus peninggian vokal yang hanya membenarkan perubahan /a/ kepada [ɛ] apabila didahului oleh konsonan /s/ dan bukannya konsonan [h].

Derivasi (4) merupakan suatu proses aturan lawan penyuaapan, iaitu kebalikan daripada aturan penyuaapan. Dalam atur rumus, syarat bagi hubungan aturan penyuaapan mengkehendaki rumus penyuaap (R^a) mendahului rumus tersuap (R^b). Hal ini kerana output daripada pelaksanaan R^a dapat menyediakan input yang menepati deskripsi struktural terhadap R^b dan seterusnya membolehkan pelaksanaan R^b berlaku (Zaharani, 1993). Rajah berikut menunjukkan hubungan atur rumus yang terdiri daripada proses aturan penyuaapan dan aturan lawan penyuaapan:



RAJAH 6. Atur Rumus

Walau bagaimanapun, kebalikan daripada aturan penyuaapan, iaitu aturan lawan penyuaapan seperti dalam derivasi (4) telah menyebabkan R^b mendahului R^a . Derivasi (3) merupakan hubungan aturan penyuaapan yang tepat kerana R^a mendahului R^b . Rumus peninggian vokal merupakan rumus penyuaap (R^a) manakala rumus pengglotisan geseran adalah rumus tersuap (R^b). Namun, derivasi (4) memperlihatkan keadaan yang sebaliknya, iaitu tidak menepati aturan penyuaapan yang sebenar. Hal ini kerana, rumus pengglotisan geseran yang berfungsi sebagai R^b telah mendahului rumus R^a , iaitu rumus peninggian vokal. Seharusnya rumus pengglotisan geseran atau R^b tidak boleh mendahului rumus peninggian vokal atau R^a bagi mendapatkan output yang menepati ujaran penutur.

Oleh itu, output *[lə.pah] /ləpas/ ‘lepas’ seperti dalam derivasi (4) tidak menggambarkan output sebenar maka, aturan yang tepat adalah aturan yang sebaliknya, iaitu

seperti yang dinyatakan dalam derivasi (3) yang menghasilkan output [ləpəh] /ləpas/ ‘lepas’ yang sama dengan ujaran responden. Jelasnya, rumus peninggian vokal harus dilaksanakan sebelum rumus pengglotisan geseran supaya syarat rumus peninggian vokal, iaitu /a/ direalisasikan kepada [ɛ] yang diikuti oleh segmen /s/ dapat dipatuhi dan seterusnya membenarkan pelaksanaan rumus perubahan segmen /s/ kepada [h] di akhir kata.

PERUBAHAN BUNYI /IS/ KEPADA [æH] DI AKHIR KATA

Dalam bahasa Melayu, segmen /i/ cenderung direalisasikan kepada [e] seperti perkataan [pi.leh] /pilih/ ‘pilih’, [i.teʔ] /itiʔ/ ‘itik’, [bu.kit] /buket/ ‘bukit’ dan lain-lain. Namun, berbeza dengan proses fonologi dalam bahasa Kerinci yang memperlihatkan perendahan vokal tinggi /i/ kepada vokal depan rendah hampar [æ] contohnya dengan mengubah bunyi /is/ di akhir kata kepada bunyi [æh] seperti yang dinyatakan dalam contoh berikut:

/tapis/	[nã.pæh]	‘tapis’
/tumis/	[nũ.mæ̃h]	‘tumis’
/tulis/	[nũ.læh]	‘tulis’
/manis/	[mã.næ̃h]	‘manis’

Vokal tinggi /i/ mengalami perendahan kepada vokal depan rendah hampar [æ], iaitu daripada bunyi vokal kardinal /i/ yang dihasilkan dalam keadaan bibir dihamparkan dan lidah pada kedudukan tertinggi dalam rongga mulut kepada bunyi vokal sekunder depan yang dihasilkan dengan membundarkan bibir dan lidah pada kedudukan yang sama seperti vokal rendah /a/, tetapi dengan ruang udara yang lebih sempit daripada vokal /a/. Proses perendahan vokal tinggi /i/ kepada [æ] dapat dirumuskan seperti berikut:

5. i → æ / __ s #

/tapis/	*[nã.pæs]	‘tapis’
/tumis/	*[nũ.mæ̃s]	‘tumis’
/tulis/	*[nũ.læs]	‘tulis’
/manis/	*[mã.næ̃s]	‘manis’

Rumus (5) menjelaskan segmen /i/ akan direalisasikan kepada [æ] apabila diikuti oleh konsonan frikatif alveolar /s/ di akhir kata dan menghasilkan bunyi [æs]. Namun, bunyi *[æs] yang terhasil dalam perkataan *[nã.pæs] /napi/ ‘napi’, *[nũ.mæ̃s] /numis/ ‘numis’, *[nũ.læs] /nulis/ ‘nulis’ dan *[mã.næ̃s] /manis/ ‘manis’ tidak menggambarkan ujaran sebenar penutur kerana konsonan /s/ di akhir kata akan kehilangan ciri distingtif [-bel] dan digantikan dengan konsonan [h] yang berfitur [+bel]. Perubahan ini menunjukkan dua proses fonologi yang perlu dijelaskan berdasarkan konsep atur rumus untuk menjawab persoalan mengapa dan bagaimana perubahan tersebut berlaku. Selain itu, atur rumus dapat menentukan proses mana yang berlaku terlebih dahulu bagi menjelaskan penghasilan output yang bertepatan dengan data yang diujarkan penutur.

Dua rumus yang terlibat adalah rumus perendahan vokal dan rumus pengglotisan geseran. Berdasarkan contoh, rumus perendahan vokal harus berlaku terlebih dahulu mendahului rumus pengglotisan geseran. Hal ini kerana output daripada rumus perendahan vokal dapat menyediakan input yang membenarkan pelaksanaan rumus pengglotisan geseran berlaku seperti yang dijelaskan dalam derivasi berikut:

6.		BK
	Bentuk dalaman	/tapis/
	Rumus Perendahan Vokal	napæs
	Rumus Pengglotisan Geseran	napæh
	Bentuk permukaan	[nã.pæh]

Derivasi (6) menjelaskan bahawa pelaksanaan rumus perendahan vokal mendahului rumus pengglotisan geseran membolehkan rumus (5) direalisasikan dengan mengubah segmen /i/ kepada [æ] kerana syarat pelaksanaan rumus perendahan vokal harus berlaku pada vokal /i/ yang hadir sebelum konsonan /s/ di akhir kata. Namun, output *[nã.pæs] yang dihasilkan daripada rumus perendahan vokal masih belum mencerminkan ujaran sebenar penutur maka rumus ini perlu diikuti dengan rumus pengglotisan geseran yang mengubah konsonan /s/ di akhir kata kepada konsonan glotis [h]. Dengan pengglotisan geseran /s/ di akhir kata, maka data yang bertepatan dengan ujaran penutur dapat dihasilkan, iaitu [nã.pæh] /nãpis/ ‘nãpis’.

Jika rumus pengglotisan geseran dilaksanakan lebih awal, pengglotisan bunyi /s/ kepada [h] di akhir kata akan menghalang rumus perendahan vokal berlaku seperti yang diperlihatkan dalam derivasi berikut:

7.		BK
	Bentuk dalaman	/tapis/
	Rumus Pengglotisan Geseran	napih
	Rumus Perendahan Vokal	-
	Bentuk permukaan	*[nã.pih]

Derivasi (7) menunjukkan hubungan atur rumus yang menghasilkan bentuk fonetik yang berbeza dengan ujaran sebenar penutur. Perubahan segmen /s/ kepada [h] menghalang /i/ direalisasikan kepada [æ] kerana tidak mematuhi syarat lingkungan pelaksanaan rumus perendahan vokal. Rumus perendahan vokal hanya boleh dilaksanakan apabila /i/ didahului oleh konsonan /s/ di akhir kata. Namun, pelaksanaan rumus pengglotisan geseran tidak menyediakan input yang sesuai untuk membolehkan /i/ direalisasikan kepada [æ] seperti dalam rumus (5) kerana konsonan /s/ tidak lagi menduduki posisi akhir sebaliknya telah digantikan dengan konsonan glotis [h]. Jelasnya, hubungan atur rumus penting untuk menjelaskan urutan proses fonologi yang berlaku supaya output yang dihasilkan menepati ujaran sebenar penutur.

Di samping itu, contoh yang dikemukakan adalah hasil kata terbitan seperti *men+tapis* yang mengubah konsonan letupan alveolar /t/ kepada bunyi nasal [n]. Bentuk seperti ini turut terdapat pada perkataan lain seperti [nũ.læh] untuk /tulis/ yang terbit daripada kata *men+tulis*, iaitu penggabungan antara suatu kata yang menyebabkan segmen tertentu daripada kata tersebut mengalami perubahan fonologi. Perubahan yang berlaku dinamakan sebagai penggantian nasal, iaitu penggantian bunyi obstruen tak bersuara /t/ pada kata dasar dengan bunyi nasal yang sama daerah artikulasinya (homorganik). Notasi segmen bagi perubahan tersebut dinyatakan dalam bentuk formula berikut:

8.	$t \rightarrow n / N + _$	‘+’ adalah sempadan awalan (Zaharani, 1993)
----	----------------------------	--

Rumus (8) menjelaskan bunyi konsonan letupan tak bersuara /t/ akan direalisasikan kepada bunyi nasal [n] apabila diikuti oleh imbuhan awalan yang turut bermula dengan konsonan nasal glotis [N]. Perubahan ini memperlihatkan suatu proses asimilasi yang menyebabkan suatu segmen itu mengambil satu segmen lain yang bersebelahan dengannya (Shane, 1992).

Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Zaharani (1991) bahawa setiap nasal yang diikuti oleh bunyi obstruen dalam suatu kata akan berubah menjadi bunyi yang homorganik dengan konsonan obstruen tersebut.

Namun, segmen nasal [N] tidak terdapat dalam inventori fonem bahasa Kerinci sebaliknya berfungsi sebagai pemboleh ubah untuk konsonan nasal sahaja. Maka rumus (8) perlu diberi penilaian semula dengan menjelaskan bahawa contoh /*tapis*/ dan /*tulis*/ berasal dari kata terbitan *məŋ*+*tapis* dan *məŋ*+*tulis* dengan /*məŋ*/ dianggap sebagai bentuk dalaman. Perubahan yang berlaku melibatkan dua rumus yang berbeza, iaitu rumus asimilasi nasal seperti dalam rumus (9) dan rumus pengguguran obstruen tak bersuara dalam rumus (10):

$$9. \quad \left(\begin{array}{l} + \text{ nasal} \\ - \text{ koronal} \\ - \text{ anterior} \end{array} \right) \rightarrow \alpha \text{ t} / _ + [- \text{sonoran}]$$

$$10. \quad [- \text{sonoran}] \rightarrow \emptyset / [+ \text{nasal}] + _$$

(Zaharani, 1991)

Rumus (9) menunjukkan proses asimilasi nasal yang berlaku apabila diikuti oleh konsonan obstruen di sempadan awalan dalam kata dasar manakala rumus (10) menjelaskan bunyi obstruen yang akan mengalami pengguguran apabila didahului oleh bunyi nasal yang homogenik dengannya di awal kata. Proses pengguguran obstruen tak bersuara yang diikuti oleh bunyi nasal merupakan proses yang alamiah dan munasabah kerana dalam kebanyakan bahasa, urutan bunyi nasal dan bunyi obstruen tak bersuara tidak dibenarkan hadir dalam bentuk permukaan (Sharifah Raihan, 2012). Oleh sebab itu kedua-dua bunyi akan berasimilasi dan mewujudkan satu fonem yang mempunyai ciri yang homogenik dengan bunyi nasal dan bunyi obstruen tersebut. Perubahan yang berlaku antara kedua-dua segmen bunyi dinyatakan dalam hubungan atur rumus yang berikut:

11.		BK
	Bentuk dalaman	/məŋ+tulis/
	Asimilasi Nasal	məntulæh
	Pengguguran Obstruen Tak Bersuara	nulæh
	Bentuk permukaan	[nũ.læh]

Derivasi (11) menunjukkan hubungan atur rumus antara rumus asimilasi nasal dan rumus pengguguran obstruen tak bersuara. Rumus asimilasi nasal menunjukkan fonem nasal /ŋ/ di akhir suku kata dalam imbuhan awalan nasal akan berhomorgan dengan bunyi obstruen di posisi onset suku kata berikutnya, iaitu dengan konsonan /t/. Segmen /ŋ/ dalam imbuhan awalan nasal tersebut akan berasimilasi dengan bunyi obstruen tak bersuara /t/ dan akan direalisasikan sebagai [n]. Proses ini berlaku kerana kedua-duanya berkongsi fitur koronal (Adi Yasran & Zaharani, 2008). Rumus pengguguran obstruen tak bersuara yang mengikuti rumus asimilasi nasal pula menunjukkan konsonan /t/ akan mengalami proses pengguguran. Dalam hal ini, /n/ akan menggantikan tempat /t/ sebagai onset suku kata untuk menghasilkan bunyi [nũ.læh] /*nulis*/ ‘*nulis*’.

Hubungan antara kedua-dua rumus menghasilkan bentuk permukaan [nũ.læh] /*nulis*/ ‘*nulis*’ dengan /mə/ digugurkan berdasarkan kecenderungan penutur menjadikan suatu perkataan dengan dua suku kata sahaja. Menurut Adi Yasran dan Zaharani (2008), pengguguran suku kata (*syllable deletion*) merupakan pengguguran suku kata daripada input yang mengandungi lebih daripada dua suku kata. Dengan kata lain, input yang mengandungi

tiga suku kata atau lebih akan direalisasikan kepada dua suku kata sahaja dengan tujuan untuk memudahkan ujaran.

Kebanyakan bahasa dan dialek-dialek lain di dunia memiliki suku kata teras (*core syllable*) KV (Adi Yasran, 2011). Dalam bahasa Kerinci, hal yang sama berlaku seperti pada kata yang paling minimum seperti [jɔ] ‘ya’, [pɔ] ‘apa’ dan lain-lain. Hal ini menunjukkan struktur suku kata yang terbina daripada konstituen onset (O), nukleus (N) dan atau tanpa koda (Kd) dengan pola-polanya terdiri daripada konsonan (K) dan vokal (V). Dalam hal ini, [mõ.nũ.læh] dalam derivasi (11) mempunyai pola suku kata KVKVKVK. Berdasarkan hakikat penutur yang cenderung memudahkan ujaran (Asmah, 1995) penutur bahasa Kerinci turut mengambil langkah yang sama dengan mengurangkan suku kata untuk dijadikan dua suku kata sahaja seperti [nũ.læh], [nã.pæh] dan sebagainya.

Keadaan ini seperti yang berlaku dalam dialek Kelantan. Menurut Adi Yasran dan Zaharani (2008), data dalam dialek Kelantan menunjukkan kecenderungan penutur menjadikan perkataan sebagai dua suku kata seperti [plí:ta] /pelita/ ‘pelita’, [byá:nĩ] /berani/ ‘berani’ dan sebagainya. Hal ini menunjukkan data dalam dialek Kelantan dan bahasa Kerinci bersifat disilabik (*disyllabic*), iaitu suatu yang bersifat alamiah dalam kebanyakan bahasa. Selain itu, terdapat pelbagai strategi yang digunakan untuk menghasilkan dua suku kata terutama dengan menggugurkan suku kata awal (Adi Yasran & Zaharani, 2008).

Hal ini seperti yang berlaku dalam dialek Kuala Pilah (Ibrahim & Ibrahim, 1990) yang menggugurkan suku kata awal seperti [nõ.beh] ‘menebas’, [jõ.mõ.leh] ‘menyembelih’ dan [ka.yanj] ‘sekarang’. Dalam bahasa Kerinci, pengguguran tersebut jelas berlaku di suku kata awal, iaitu pada imbuhan awalan yang menggugurkan /mɔ/ untuk menghasilkan output disilabik seperti [nu.læh].

Selain itu, awalan /mem/ dalam /mɔmbawa/ ‘membawa’ juga mengalami pengguguran bagi menghasilkan bentuk fonetik [ba.wɔʔ] /bawaʔ/ ‘bawa’ dalam bahasa Kerinci. Dengan kata lain, pengguguran imbuhan awalan juga berlaku pada kata dasar yang didahului oleh konsonan obstruen bersuara /b/. Malah, dalam pertuturan seharian penutur cenderung menggunakan perkataan dengan jumlah suku kata yang minimum bagi memudahkan ujaran.

Jelasnya, perubahan /i/ kepada [æ] perlu mendahului rumus yang mengubah /s/ kepada [h] di akhir kata. Hal ini bagi menepati syarat lingkungan penyebaran yang telah dijelaskan sebelum ini supaya bentuk permukaan yang dihasilkan dapat mencerminkan ujaran sebenar penutur. Jika keadaan yang sebaliknya berlaku, maka bentuk fonetik yang bercanggah dengan ujaran sebenar penutur akan terhasil. Oleh itu, peranan atur rumus dalam fonologi generatif penting kerana dapat membantu menjelaskan proses-proses fonologi yang berlaku.

PERUBAHAN BUNYI /US/ KEPADA [AWH] DI AKHIR KATA

Bahasa Kerinci juga memperlihatkan perubahan bunyi /us/ kepada [awh] yang bukan sahaja melibatkan pembentukan bunyi glotis [h] tetapi juga melibatkan proses perendahan dan pendepanan vokal tinggi /u/ kepada vokal rendah [a] seperti dalam contoh berikut:


/halus/	[a.lawh]	‘halus’
/hagus/	[a.ɲãwh]	‘hangus’
/kurus/	[ku.rawh]	‘kurus’
/bərus/	[bə.rawh]	‘berus’

Berdasarkan contoh, vokal tinggi /u/ mengalami perendahan kepada vokal luas dan proses pendepanan yang menghasilkan bunyi vokal rendah [a]. Untuk menjelaskan persoalan mengapa vokal belakang bundar /u/ direndahkan dan mengalami pendepanan kepada vokal depan rendah [a], perbincangan harus berbalik kepada sistem vokal bahasa Kerinci. Mohd Isa Farhy (1971) telah menjelaskan bahasa Kerinci terdiri daripada sembilan vokal seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu, iaitu vokal [i], [e], [a], [ɔ], [ɛ], [o], [u], [ɔ] dan [ɜ].

Hal ini menjelaskan sebab perubahan vokal belakang /u/ kepada vokal depan [a] kerana dalam kedua-dua bahasa, tidak ada vokal rendah lain selain daripada vokal rendah [a]. Dengan kata lain vokal /ɛ/, /a/ dan /ɔ/ tidak wujud dalam bahasa Melayu dan bahasa Kerinci. Oleh sebab itu vokal /a/ menjadi pilihan penutur ketika menuturkan ujaran kerana hanya segmen /a/ yang menempati kedudukan vokal rendah dalam bahasa tersebut. Bunyi [awh] yang direalisasikan daripada bunyi /us/ di akhir kata pula memperlihatkan konsonan geluncuran /w/ sebagai alofon kepada bunyi vokal tinggi /u/. Kehadiran /w/ ini tidak sesuai dijelaskan akibat proses penyisipan geluncuran kerana menurut Farid (1980), proses penyisipan geluncuran berlaku antara vokal tinggi dengan vokal lain, iaitu bunyi geluncuran mempunyai ciri yang homorganik dengan vokal tinggi tersebut. Berikut merupakan rumus perubahan /us/ kepada [awh]:

$$12. \quad u \rightarrow aw / _ s \#$$

Rumus (12) menjelaskan bahawa bunyi vokal tinggi /u/ akan direalisasikan kepada bunyi [aw] apabila diikuti oleh konsonan geseran alveolar /s/ di akhir kata. Berdasarkan rumus tersebut, vokal /u/ mengalami penyebaran fitur dengan menghasilkan dua bentuk fonetik yang berbeza, iaitu segmen [a] dan [w]. Dengan kata lain, vokal /u/ mengalami dua proses fonologi yang berbeza, iaitu proses perendahan dan proses pembundaran. Penyebaran fitur /u/ ini dapat dijelaskan seperti berikut:



RAJAH 7. Penyebaran Fitur /u/

Rajah 7 menunjukkan penyebaran fitur /u/ yang tersebar kepada segmen [a] dan segmen [w]. Vokal /u/ mengalami proses perendahan vokal dan direalisasikan sebagai /a/ tetapi masih mengekalkan fitur [+sil]. Bagi segmen [w], kehadirannya dipengaruhi oleh vokal /u/ dengan kedua-duanya berkongsi fitur yang sama, iaitu [+tinggi] dan [+bundar] hingga mempengaruhi pembentukan alofon bagi vokal tersebut. Output [w] memiliki titik artikulasi yang sama dengan /u/, iaitu dua bibir (bundar) tetapi berbeza dari segi fitur silabik. Hal ini seperti yang dijelaskan Noor Azureen dan Tajul Aripin (2013) bahawa setiap segmen memiliki titik artikulasi dan fitur distingtif tersendiri yang boleh tersebar kepada segmen lain tetapi segmen tersebut masih berkongsi sebahagian daripada titik artikulasi dan fitur distingtif yang sama.

Pembentukan segmen [w] turut dijelaskan oleh Saidatul Faiqah dan Adi Yasran (2013). Menurutnya, segmen [i] yang hadir di nodus margin (onset atau koda kata) cenderung berfungsi sebagai vokal tinggi non-silabik yang direpresentasikan sebagai konsonan

geluncuran [j] dan [w] yang membentuk pola (K)V(K). Bagi Adi Yasran (2011), pola tersebut merupakan struktur suku kata dasar dalam bahasa Melayu yang juga boleh diperlihatkan dalam bentuk (O)N(Kd). Namun, dalam contoh seperti [a.lawh] /halus/ 'halus' pola yang terhasil adalah (K)V(K)(K) dengan konsonan /w/ diikuti oleh konsonan /s/ dan membentuk rangkap konsonan dalam suku kata yang sama.

Hal ini jelas berbeza dengan pola suku kata dasar bahasa Melayu yang terdiri daripada (K)V(K) kerana suku kata dasar bahasa Melayu yang tidak membenarkan kehadiran rangkap konsonan sama ada di posisi onsets atau di koda kata (Zaharani et al., 2013). Namun, berbeza dengan sistem bahasa Kerinci yang membenarkan kehadiran urutan konsonan dalam satu suku kata seperti yang diperlihatkan dalam perkataan [a.lawh] /halus/ 'halus', [a.ŋãwh] /hãjus/ 'hãjus', [ku.rawh] /kurus/ 'kurus' dan [bã.rawh] /bãrus/ 'bãrus/. Perubahan ini juga menunjukkan gejala penyebaran fitur dalam bahasa Kerinci yang menggambarkan kecenderungan suatu segmen menyebarkan fiturnya dan membentuk segmen baharu yang memiliki sebahagian daripada ciri-ciri yang serupa dengannya.

Dua rumus yang terlibat dalam perubahan ini adalah rumus perendahan vokal dan rumus pengglotisan geseran. Rumus perendahan vokal bertujuan mengubah bunyi /u/ kepada [aw] manakala rumus pengglotisan geseran mempengaruhi pembentukan glotis /h/ di akhir kata menggantikan konsonan frikatif /s/. Berdasarkan ujaran responden, rumus perendahan vokal harus mendahului rumus pengglotisan geseran. Hal ini seperti yang dinyatakan dalam derivasi berikut:

10.	BK
Bentuk dalaman	/halus/
Rumus Perendahan Vokal	alaws
Rumus Pengglotisan Geseran	alawh
Bentuk permukaan	[a.lawh]

Berdasarkan derivasi (10), rumus perendahan vokal harus dilaksanakan terlebih dahulu dengan mengubah bunyi /u/ kepada segmen [aw]. Hal ini bertepatan dengan rumus (9) yang menjelaskan bahawa /u/ akan direalisasikan kepada bunyi [aw] apabila diikuti oleh konsonan geseran /s/ di akhir kata hingga menghasilkan bentuk *[a.laws] /halus/ 'halus'. Namun, pelaksanaan rumus perendahan vokal harus diikuti dengan rumus pengglotisan geseran untuk mengubah bunyi /s/ kepada bunyi [h] bagi menghasilkan output yang bertepatan dengan ujaran penutur, iaitu [a.lawh] /halus/ 'halus'.

Namun, sekiranya rumus pengglotisan geseran dilaksanakan terlebih dahulu maka bentuk fonetik yang berbeza dengan ujaran penutur akan terhasil. Hal ini kerana, perubahan /s/ kepada [h] pada peringkat awal tidak menyediakan input yang membenarkan pelaksanaan rumus perendahan vokal berlaku. Hal ini seperti yang dinyatakan dalam derivasi berikut:

11.	BK
Bentuk dalaman	/halus/
Rumus Pengglotisan Geseran	aluh
Rumus Perendahan Vokal	-
Bentuk permukaan	*[a.luh]

Pelaksanaan rumus pengglotisan geseran menyebabkan /s/ di akhir kata direalisasikan kepada [h] dan menghasilkan bentuk [a.luh] /halus/ 'halus'. Namun, output ini menyebabkan pelaksanaan rumus perendahan vokal terhalang. Hal ini kerana, syarat lingkungan bagi rumus perendahan vokal adalah pada vokal /u/ yang diikuti oleh konsonan /s/ di akhir kata, bukannya konsonan [h] seperti dalam derivasi (11). Dengan kata lain, syarat pelaksanaan rumus (9) tidak dapat dipenuhi. Hal ini disebabkan segmen /u/ tidak lagi didahului oleh

konsonan geseran /s/ sebaliknya telah digantikan dengan bunyi [h] akibat pelaksanaan rumus pengglotisan geseran yang telah berlaku terlebih dahulu.

Jelasnya, hubungan atur rumus penting untuk menentukan proses mana yang berlaku terlebih dahulu dan proses mana yang berlaku kemudian. Hal ini kerana, setiap proses fonologi menghasilkan bentuk fonetik yang berbeza-beza. Maka penting untuk menjelaskan perubahan mana yang berlaku lebih awal supaya output daripada perubahan tersebut dapat menyediakan input yang bersesuaian untuk membenarkan pelaksanaan rumus-rumus yang seterusnya.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan, proses pengglotisan geseran bukan sahaja melibatkan perubahan /s/ kepada [h] tetapi turut melibatkan perubahan pada vokal-vokal yang mendahuluinya, iaitu /as/ yang direalisasikan kepada [ɛh], /is/ kepada [æh] dan /us/ kepada [awh]. Kepelbagaian bentuk permukaan yang direalisasikan ini adalah disebabkan pelaksanaan rumus-rumus fonologi terhadap bentuk dalaman bahasa Kerinci. Rumus-rumus fonologi ini meliputi rumus perendahan vokal dan rumus peninggian vokal. Walau bagaimanapun, hasil kajian membuktikan bahawa rumus pengglotisan geseran yang mengubah konsonan /s/ kepada [h] di akhir kata harus berlaku selepas pelaksanaan rumus-rumus yang menyebabkan perubahan pada vokal-vokal tersebut. Hal ini bagi menepati syarat lingkungan pelaksanaan setiap rumus yang terlibat supaya dapat menyediakan output yang bertepatan dengan ujaran penutur bahasa Kerinci.

Oleh itu, aplikasi atur rumus yang menggunakan fitur distingtif penting untuk menjelaskan proses mana yang berlaku terlebih dahulu bagi menghasilkan pola fonologi yang bersifat empirikal serta dapat mengelakkan kekeliruan (Adi Yasran, 2010). Hal ini kerana, penjelasan berdasarkan perbezaan sebutan antara bahasa Kerinci dengan bahasa Melayu seperti kajian Mohd Isa Farhy (1971) masih belum mencerminkan bentuk abstrak bahasa Kerinci. Selain itu, huraian yang bertumpu kepada klasifikasi fonem dan penyebarannya dilingkungan dalam kata masih belum menjelaskan perbezaan antara fonem khususnya dari aspek perbezaan fitur yang dimiliki oleh fonem-fonem tersebut. Oleh itu, pentingnya analisis fonologi generatif berdasarkan set-set fitur dan rumus tertentu untuk menjelaskan perubahan yang berlaku secara terperinci dan berpada.

Kajian sebelum ini banyak membincangkan tentang perubahan /s/ kepada [h] namun, yang menarik dalam bahasa Kerinci bukan sahaja perubahan yang melibatkan konsonan tersebut tetapi perubahan pada bunyi-bunyi vokal yang mendahuluinya. Walau bagaimanapun, hal ini tidak difahami jika huraian lebih berfokuskan kepada pertimbangan fonetik semata-mata tanpa menjelaskan representasi fonemik bahasa tersebut berdasarkan rumus-rumus fonologi. Maka, kajian ini dapat memberikan pendedahan tentang pola sebenar fonologi bahasa Kerinci khususnya dari aspek pengglotisan geseran /s/. Tambahan pula, bahasa Kerinci memiliki hubungan kekeluargaan dengan bahasa Melayu, maka kajian ini diharap dapat memberikan pengetahuan tentang aspek fonologi salah satu bahasa dalam rumpun bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Melebek & Amat Johari Moain (2005). *Sejarah Bahasa Melayu*. Utusan Publication & Distributors SDN. BHD.
- Adi Yasran Abdul Aziz & Zaharani Ahmad (2008). Urutan Nasal-Obstruen Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti. *Jurnal Bahasa*. 14 (Mei-Ogos), 1-19.

- Adi Yasran Abdul Aziz & Zaharani Ahmad (2008). Onset Mora dalam Dialek Kelantan: Analisis Tatatingkat Kekangan. *Jurnal e-Bangi*. 3(1), 1-16.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2010). Inventori Vokal Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Linguistik*. 11 (Disember 2010), 1-19.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2011). Suku Kata Dasar dalam Dialek Kelantan Berdasarkan Teori Optimaliti. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 11(2), 121-136.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2012). Analisis Koda Berdasarkan Kekangan dalam Dialek Kelantan. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(4), 1127-1145.
- Ajid Che Kob & Mohd Tarmizi Hasrah (2009). Dialek Melayu Pahang: Tinjauan di Hulu Pahang. *Jurnal Linguistik*. 9, 72-74.
- Asmah Haji Omar (1995). *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar et, al (2013). *Bahasa Minangkabau Mukim Sesapan Batu Minangkabau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, Noam & Halle (1968). *The Sound Pattern of English*. New York.
- Farid M. Onn (1980). *Aspect of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid M. Onn (1988). Konsep-konsep Dasar dalam Teori Fonologi Generatif dlm. Nik Safiah Karim (Penyusun). *Linguistik Transformasi Fonologi Generatif: Suatu Penerapan pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mustapa dan Ibrahim Daud (1990). Analisis Dialek Daerah Kuala Pilah daripada Aspek Fonologi. *Jurnal Dewan Bahasa*. Disember 1990, 975-982.
- Mohd Tarmizi Hasrah et, al (2013). Inovasi dan Retensi dalam dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 13(3), 211-222.
- Mohd Isa Farhy Yassin (1971). "Sistim Bunyi Loghat Kerinci dan Perbandingannya dengan Bahasa Melayu Standard". *Majalah Dewan Bahasa*. XIII(3), 162-169.
- Noor Azureen Hamid @ Ahmed & Tajul Aripin Kassin (2013). Analisis Fonologi Autosegmental dalam Proses Penyebaran Fitur Geluncuran Dialek Melayu Saribas. *Jurnal Bahasa*. 13(2), 217-242.
- O'Brien J. (2012). An experimental approach to debuccalization and supplementary gestures. A dissertation of Doctor of Philosophy Unpublished, Universiti of California, Santa Cruz. (Atas talian) Muat turun pada 24 Disember 2013 dari http://jeremypobrien.nfshost.com/papers/obrien_dissertation_2up.pdf
- Roca, I. & Johnson, W. (1999). *A Course in Phonology*. USA: Blackwell Publisher Inc.
- Rohani Mohd Yusof (1986). *Dialek Geografi Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan Fonologi*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Rohani Mohd Yusof & Noriah Mohamed (2006). *Bahasa: Memeluk Akar Menyuluh ke Langit*. dlm. Paitoon M. Chaiyanara et, al (pyt). Singapura: Universiti Teknologi Nanyang.
- Rozaimah Rashidin & Nor Diyana Saupi (2011). "Kata Ganti Nama dalam Dialek Kerinci". *Jurnal Linguistik*. 14, 1-16.
- Saidatul Faiqah Samasu & Adi Yasran Abdul Aziz (2013). Inventori Fonem Konsonan Dialek Melayu Kuching Sarawak. *Jurnal Persatuan Linguistik Malaysia*. 17(1). 10-18.
- Shane, S. A. (1992). *Fonologi Generatif* dlm. Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin (pent). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Raihan Syed Jaafar (2012). A Comparative Study of Nasal Prefixes in Malay and English. *3L: Language, Linguistics, Literature®*. 18(3), 15-28.

- Zaharani Ahmad (1991). *The Phonology and Morphology of the Perak Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad (2013). *Aspek Fonologi Bahasa Melayu: Derivasi Rumus kepada Tatatingkat Kekangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad et al. (2013). Harmoni Vokal dan Degimisasi dalam Kata Pinjaman Arab: Analisis Tatatingkat Kekangan. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 13(3), 193-209.

PENULIS

Adi Yasran bin Abdul Aziz (Ph.D) ialah Profesor Madya dan Ketua Jabatan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah fonetik dan fonologi bahasa Melayu, dan sistem tulisan Jawi.

Raja Masittah binti Raja Ariffin (Ph.D) ialah Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sosiolinguistik, linguistik terapan, dialektologi, linguistik sejarawi, pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu, dan istilah dan penterjemahan.

Mohd Sharifudin bin Yusop (Ph.D) ialah pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sosiolinguistik, sosiobudaya, bahasa-bahasa orang Asli dan ketrampilan berbahasa.

Nur Farakhanna binti Mohd Rusli ialah pelajar Ph.D di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.